

Home > Berita & Isu Semasa

[Isu Semasa] Gambar tanah runtuh di Bukit Setiawangsa (7 gambar)

BY [AIDA SUE](#) / DECEMBER 31, 2012





Benteng konkrit di Bukit Setiawangsa di sini runtuh malam ini menyebabkan jalan utama di kawasan itu ditutup kepada kenderaan. Kejadian dipercayai berlaku dalam lingkungan jam 9 malam kelmarin. Orang ramai khususnya penduduk tidak dibenarkan melalui jalan tersebut kerana masih terdapat pergerakan tanah, yang berisiko runtuh lebih teruk.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan, Jabatan Pertahanan Awam, dan pihak polis kini berada di lokasi bagi mengawal keadaan. Benteng konkrit yang runtuh di Bukit Setiawangsa dikatakan tidak memenuhi garis panduan yang ditetapkan, akui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Datuk Bandar, Datuk Ahmad Phesal Talib berkata, benteng itu dibina pada tahun 1992 tetapi sekiranya pemaju memohon untuk membinanya pada hari ini, maka ia tidak akan diluluskan.

Setakat ini tujuh rumah terjejas teruk manakala 57 keluarga lain telah dipindahkan. Beberapa penduduk dipindahkan dan beberapa banglo musnah dan lokasi kejadian tidak jauh dari kediaman Ahli Parlimen Setiawangsa, Datuk Seri Zulhasnan Rafique.

Berikut kami ingin kongsikan gambar di tempat kejadian tanah runtuh berlaku dan gambar gambar merupakan ihsan dari Facebook.





IKLAN

renovation + interior design + furniture ① X

REX
HOME
EXPO
家居展

12.12
double deals

10 DE
101 GRAND EXHIBITS
iOi C
MAI
PUTRAJAYA
LEVEL 3, NE







